



6 Mac, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MENYEDARI DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

ADALAH masih belum terlambat bagi kita Amenarik perhatian orang ramai khususnya dari kalangan pihak-pihak yang berkenaan kepada kandungan Pemasyhuran Kemerdekaan negara kita setahun yang lalu.

Pemasyhuran yang bersejarah yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada detik-detik awal 1 Januari 1984, di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di hadapan ribuan rakyat dan dapat didengar serta disaksikan melalui radio dan televisyen itu mengandungi dua bahagian.

Bahagian pertama ialah Mukadimah dan bahagian kedua ialah Pemasyhuran. Bahagian pertama itu adalah memberikan latar belakang mengenai perkembangan dan kemajuan politik negara sehingga membawa kepada pencapaian semula kemerdekaan sepenuhnya, iaitu perhubungan yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847; Perlembagaan tahun 1959; dan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama tahun 1979 di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Baginda Queen serta pertukaran Nota di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Kerajaan Baginda Queen yang menetapkan persetujuan bagi menamatkan apa jua kuasa dan kewajipan Kerajaan Baginda Queen terhadap Brunei bermula pada 31 Disember 1983 dan dengan penamatan itu hak serta kuasa kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan termasuk tanggungjawab terhadap urusan-urusan luar negeri akan kembali kepada Baginda sebagai Sultan dan Yang

Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984.

Setelah pendahuluan sedemikian itu maka baharulah dimasyhurkan kedudukan Negara Brunei Darussalam yang berdaulat merdeka mulai 1 Januari 1984. Ia dapat dibahagikan kepada tiga unsur yang menegaskan azam dan aspirasi nasional.

Pertama — Mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik dengan bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah, dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan;

Kedua — Dengan petunjuk serta keredaan Allah akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan kebajikan serta kebahagiaan rakyat;

Ketiga — Memelihara perhubungan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campurtangan asing.

Kandungan unsur pertama itu adalah jelas dan lantang memasyhurkan sifat, corak dan unsur negara kita yang turun-temurun iaitulah sebagai negara Melayu Islam Beraja yang pada

saat kemerdekaan itu dimasyhurkan kita berazam serta memohon perkenan Allah Subhanahu Wataala untuk mengekalkannya dalam sifat corak dan unsur yang sedia kala itu buat selama-lamanya. Kandungan unsur yang kedua dan ketiga adalah juga jelas dan lantang pada menyatakan azam serta hasrat kita akan sentiasa berusaha pada menjamin kepentingan rakyat dan negara serta pada memelihara perhubungan dengan negara-negara antarabangsa atas dasar saling menghormati.

Tidak syak lagi kandungan Pemasyhuran Kemerdekaan negara kita itu adalah merupakan dasar utama yang diikuti dan akan seterusnya diikuti. Kerana itu tidaklah wajar manakala setengah-lengah kalangan tidak menyedarinya.

Dalam hubungan kita sebagai bangsa yang merdeka perlu mempunyai azam yang kukuh dan matlamat yang jelas maka kandungan Pemasyhuran Kemerdekaan itu selaknyalah akan menjadi rujukan. Tetapi sebelum itu ia perlulah disedari wujudnya dengan memahaminya. Tanpa kesedaran dan ketahanan yang berpalutan mengenainya kita akan mudah keliru dan mungkin jua berkeadaan panik manakala timbul sesuatu dalam menempuh perkembangan dan mengharungi suasana yang berbangkit dari usaha mengketarakan azam serta aspirasi nasional yang sedia tersurat dalam Pemasyhuran Kemerdekaan negara kita itu.

*“.....Kita perlu mempunyai
matlamat
serta
landasan
yang kukuh.....”*

BERIKUT ialah ucapan Pengarah Penerangan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khalib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis Perjumpaan Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan di Dewan PTE Gadong pada 24 Februari, 1985.



ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kepada sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda.

Dengan penuh takzim terlebih dahulu abis Peramba/Kaola Ahli-ahli Jawatankuasa yang menganjurkan majlis ini menyem-bahkan/mengucapkan berbilang-banyak menjunjung kasih/terima kasih di atas kehadiran Tuan Peramba/Pehin dalam Majlis Perjumpaan sempena Ulang-tahun Pertama Hari Kebangsaan pada pagi ini. Sesungguhnya abis Peramba/Kaola sangat berbesar hati dan menaruh kepercayaan kehadiran Tuan Peramba/Pehin di dalam majlis ini setentunya akan memberi makna yang mendalam sesuai dengan hasrat perpaduan yang diniatkan dalam mengadakan majlis ini iaitu 'Bersatupadu Bagi Menghayati Konsep Melayu Islam Beraja'.

Izinkanlah Peramba/Kaola meneruskan ucapan dengan menumpukannya kepada sekalian para peserta yang dihormati.

Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala

yang telah terus mengekalkan nikmat-Nya ke atas kita dan negara kita iaitu nikmat keamanan dan kesejahteraan yang memungkinkan kita berkehidupan dalam suasana yang serba mantap di semua bidang. Sesungguhnya, kita juga menjunjung tinggi kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta Kerajaan Baginda yang terus-menerus dan tidak kendur-kendurnya berusaha pada menambahkan kebahagiaan rakyat dan penduduk.

MENGUKUH PERPADUAN

Adalah penting diingat bahawa kesyukuran kepada Allah dan dukungan terhadap kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan serta Kerajaan Baginda adalah unsur yang utama dalam usaha mengekalkan dan menambahkan lagi kesempurnaan mutu kehidupan kita. Kesedaran di kalangan semua lapisan rakyat dan penduduk mengenai unsur utama ini adalah sangat penting untuk sentiasa dipupuk serta ditingkatkan. Maka majlis yang kita adakan ini adalah kita harapkan akan menjadi sebahagian sumbangan memupuk serta meningkatkan kesedaran

tersebut. Kerana itulah kita sedapat daya menganjurkan majlis ini dengan memberi perhatian kepada penyertaan meluas segenap lapisan masyarakat iaitu rakyat dan penduduk. Penyertaan serupa ini dipercayai akan berkesan pada mewujudkan suasana saling bersefahaman dan hormat-menghormati sambil mengukuhkan lagi perpaduan yang sedia wujud di antara kita dengan kerajaan dalam setiap usaha yang berkeadilan. Mudah-mudahanlah penyertaan rakyat dan penduduk secara meluas dan secara yang sesuai dengan negara kita akan dikembangkan dari semasa ke semasa.

IKRAR

Dalam perhimpunan agung menyambut Hari Kebangsaan di Stadium Negara Hassanah Bolkliah tahun lalu Ikrah Hari Kebangsaan telah dilafaskan di hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Ia adalah satu pernyataan tekad serta harapan kita untuk:

Pertama — Bersatupadu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan;

Kedua — Memper-tahankan dan menjunjung negara dengan setia sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai cara hidup yang lengkap;

Ketiga — Berbakti dan rela berkorban pada memper-tahankan maruah dan kedaulatan negara serta memelihara keamanan dan keselamatan;

Keempat — Mendukung nilai-nilai akhlak yang sempurna, serta taat dan menjunjung keluhuran Undang-Undang Negara; dan

Kelima — Bekerja dengan gigih, jujur lagi amanah pada meningkatkan kemajuan dan kemakmuran yang diredai oleh Allah.

AZAM KUAT

Ikrah lima perkara seperti yang disebutkan itu adalah sangat tepat kita jadikan panduan yang akan mendorong daya usaha yang berterusan dalam memajukan diri kita serta negara kita.

Sesungguhnya sebagai suatu bangsa yang merdeka kita perlu mempunyai keazaman yang kuat serta pendirian yang teguh. Kita

juga perlu mempunyai matlamat yang jelas serta landasan yang kukuh. Maka Ikrah Hari Kebangsaan yang telah dua kali dilafaskan itu adalah merupakan keazaman dan pendirian serta merupakan matlamat dan landasan yang sebaik-baiknya.

Adalah penting diingat bahawa kesyukuran kepada Allah dan dukungan terhadap kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan serta Kerajaan Baginda adalah unsur yang utama dalam usaha mengekalkan dan menambahkan lagi kesempurnaan mutu kehidupan kita.

Perpaduan dengan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah pun kita buktikan sebagai sumbangan kita yang sangat penting kepada negara ini. Hasilnya ialah kita menikmati kehidupan yang sempurna dalam suasana yang serba mantap dari segi politiknya, ekonomi dan budayanya. Kerana itu di zaman kemerdekaan ini sudah setentunya kita akan meneruskan perpaduan serta kesetiaan sedemikian yang akan mendorongkan seterusnya semangat serta kemahuan untuk memper-tahankan dan menjunjung

Akhirnya saya sukacita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat serta menyumbangkan buah-fikiran dan tenaga mereka bagi menjayakan majlis ini. Mudah-mudahan sumbangan yang diberikan bagi menjayakannya itu akan dikira sebagai sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab kita bagi memperkukuhkan lagi konsep negara kita sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja, dan mudah-mudahanlah ia mendapat berkat daripada Allah Subhanahu Wataala.

Sekian wabillahit taufiq walhidayah.



SEJURUS selepas perasmian Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya dibawa menyaksikan gambar-gambar yang dipamerkan — Gambar oleh Haji Sarbini Taha.

Pameran gambar-gambar sejarah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa keping gambar-gambar zaman kegemilangan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang merdeka penuh termasuk gambar-gambar sekitar Pemasyhuran Kemerdekaan dan perayaan yang dihadiri oleh lebih dari 70 orang ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin negara asing, telah dipamerkan sempena sambutan Hari Kebangsaan

Negara pada tahun ini.

Pameran gambar-gambar tersebut berlangsung di Dewan Tengah Muzium, anjuran Jabatan Muzium dan dirasmikan oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya Jumaat lepas.

Turut dipamerkan termasuklah beberapa buah

cenderamata kenangan yang diperbuat dari logam, kertas, kayu serta bahan plastik dan kaca.

Pameran selama satu bulan itu antara lain bertujuan bagi memperingati Hari Kebangsaan Negara di samping memberikan peluang kepada orang ramai menyaksikan saat bersejarah itu sebagai kenangan.

MASYARAKAT TIONGHUA SOKONG PENGGUNAAN BAHASA MELAYU

Oleh: Zubaidah HS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tampilnya masyarakat Tionghua di negara ini dalam membuktikan sokongan mereka terhadap pengiktirafan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara adalah merupakan pendedahan kepada masyarakat umum bahawa mereka benar-benar ingin menguasai penggunaan Bahasa Melayu itu sepenuhnya.

Pendedahan yang mereka tunjukkan ini amat bertepatan sekali kerana dalam tempoh 25 tahun adalah cukup bagi mereka mempelajari dan menguasai kegunaan Bahasa Melayu untuk memenuhi syarat-syarat menjadi rakyat di negara ini.

Lebih-lebih lagi dengan adanya dorongan dan sokongan yang kuat dan kemudahan serta kesempatan yang disediakan oleh kerajaan sejak lebih 25 tahun lalu.

Demikian telah dinyatakan oleh Yang Berbahagia Dato

Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam ketika merasmikan Kempen Minggu Bahasa anjuran Dewan Perniagaan Tionghua yang berlangsung di Dewan Darussalam Sekolah Menengah Chung Hwa di sini Isnin lepas.

Katanya, Kempen Minggu Bahasa ini selain daripada usaha yang bersifat berterusan, juga merupakan kesempatan kepada masyarakat Tionghua untuk menilai sejauh mana kempen ini menepati tujuan asal yang dikehendaki oleh negara.

Di upacara itu, Dato Paduka Awang Sidek juga menyampaikan harapan agar Kempen Minggu Bahasa yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Tionghua ini akan benar-benar mendapat sambutan daripada setiap golongan masyarakat Tionghua di negara ini bagi menepati cogan kata Bahasa Melayu Asas Hidup Bernegara.

Terdahulu sebelum perasmian, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Setiausaha DPT Awang Lim Teng Huan bagi pihak Yang Dipertua Dewan Perniagaan Tionghua Awang Lim Eng Ming.

Dalam ucapan alu-aluannya antara lain beliau menjelaskan bahawa DPT dan masyarakat Tionghua akan sentiasa menjunjung dan mempertahankan kedaulatan negara ini dalam apa jua rancangan dan usaha kerajaan yang mendatangkan kebajikan dan keharmonian kepada rakyat di negara ini, terutama dalam usaha-usaha sosial yang termasuk memperjuangkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara.

Walaupun usaha ini bukan perkara yang baru, beliau berharap rakyat dan penduduk yang terdiri dari kaum Tionghua supaya akan dapat mengamalkan dan menguasai Bahasa Rasmi Negara ini dalam semua urusan-urusan seharian mereka.

Dengan demikian, tegasnya perasaan keBruneian akan sentiasa berkembang di jiwa mereka yang mana akan membawa keharmonian dan keamanan negara.

Akhirnya beliau berseru agar semua masyarakat Tionghua di negara ini akan terus mendukung konsep bernegara dengan sentiasa berusaha dalam mempelajari Bahasa Melayu, serta menjauhkan diri dari sikap dan amalan-amalan yang boleh mendatangkan kerosakan, kestabilan dan kukuh ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

Kempen Minggu Bahasa ini adalah sebagai lanjutan

kepada kempen serupa yang diusahakan oleh Dewan Perniagaan Tionghua pada awal tahun lepas di samping sempena Sambutan Ulang-tahun Pertama Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kempen tahun ini yang bertemakan 'Perhubungan Melalui Bahasa Rasmi Negara Menyatukan Rakyat Dari Berbagai Bangsa, antara lain telah mengadakan peraduan syarahan, bahas dan lain-lain bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah Chung Hwa dan orang-orang dewasa Tionghua di seluruh daerah.

Di upacara perasmian pada hari itu tetamu kehormat, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya juga telah sudi menyampaikan hadiah kepada para pemenang Peraduan Syarahan Peringkat Akhir bagi Sekolah-sekolah Rendah Chung Hwa dan orang-orang dewasa yang diadakan pada hari tersebut.

Bagi menyerikan upacara pada hari itu, sebuah tarian asli Brunei telah dipersembahkan oleh penuntut-penuntut Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan.

Pegawai Bomba berkursus di UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang Penolong Pegawai Balai dari Jabatan Bomba Seria dan Tutong kini berada di United Kingdom bagi mengikuti kursus selama lima bulan.

Mereka itu ialah Penolong Pegawai Balai Awang Kasim bin Haji Omar, Penolong Pegawai Balai Awang Malinau bin Pantok dan Penolong Pegawai Balai Awang Rancee bin Haji Othman masing-masing dari Balai Bomba Seria sementara Awang Hamdani bin Haji Abd Latif Penolong Pegawai Balai Bomba dari Daerah Tutong.

Keempat mereka itu ditempatkan di Lancashire Fire Brigade Training Centre dan Fire Services College Gloucestershire United Kingdom bermula pada 28 Februari ini.

MAKLUMAN

DEWAN Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan memaklumkan kepada orang ramai terutama penduduk Kampong Batu Marang dan sekitarnya bahawa Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak DBP kini telah diadakan bertempat di kawasan lapang di kampung tersebut pada tiap-tiap hari Rabu, dua minggu sekali. Sementara keterangan lanjut mengenai jadual lawatan Perpustakaan Bergerak ini bolehlah dirujuk di muka ini.

HAFAZ QURAN PERLU DIPESATKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Menghafaz Al-Quran perlu dipesatkan di negara ini terutama di sekolah-sekolah dan maktab-maktab.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika menyerukan perkara itu menyaran agar kanak-kanak yang berminat juga diberi peluang belajar dan mengikuti cara hafalan yang betul dan sistematik.

Sabdanya, kegiatan seumpama itu akan menjadi pendorong dan penggalak bagi peserta-peserta menguji kebolehan mereka.

"Kita orang-orang Melayu sejak dahulu lagi memang termasyhur rajin, berguru, mengaji di balai-balai atau serambi dengan titih dan lutan pada mengadun kesenian pertukangan seperti mengukir dan menenun," sabda Yang Amat Mulia

ketika merasmikan Peraduan Menghafaz Sejuzu Al-Quran yang diselenggarakan dengan Kursus Kaligrafi Islam pada petang Ahad 24 Februari lepas di Dewan Raya RTB.

"Saya yakin telah banyak pembaca-pembaca kita yang berkebolehan adalah dengan adanya peraduan di peringkat dewasa, beruniform, jabatan-jabatan kerajaan, sekolah, maktab-maktab dan lain-lain," sabda Yang Amat Mulia.

Menurut tetamu kehormat itu, untuk mempertingkatkan di bidang antarabangsa memang sukar kerana ia memerlukan banyak kemahiran.

"Oleh yang demikian saya berpendapat sudah sampai masanya pembaca Al-Quran di negara ini akan menerokai bidang seperti bidang hafaz, kiraat, nahu dan sebagainya," ujar Yang Amat Mulia.

Mengenai peraduan yang diadakan oleh Persatuan

IQRA dengan kerjasama RTB sempena Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan itu, Yang Amat Mulia menganggap ia salah satu konsep perpaduan yang mencerminkan negara dan rakyat bersatupadu menghayati tema Hari Kebangsaan tahun ini, "Bersatupadu Menghayati Konsep Negara Melayu Islam Beraja."



YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Awang Mohd. Ali johan hafaz Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Mohd Ali bin Timbang berjaya menjadi johan Peraduan Hafaz Quran sempena Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan yang dianjurkan oleh Persatuan IQRA dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen Brunei pada petang Ahad lepas.

Beliau memperoleh 89 peratus dan memenangi hadiah tambang menunaikan fardu haji yang disumbangkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abd Momin bin Pengiran Othman dan wang tunai \$2,000 dari seorang hamba Allah.

Naib johan pula dimenangi oleh Awang Abd Rahman bin Mohd Zain dengan markah 87 peratus dan tempat ketiga

pula disandang oleh Awang Haji Md Suni bin Abd Hamid, masing-masing mendapat satu tiket pergi berkurus ke Malaysia atau Indonesia.

Seramai lima orang dari 11 orang peserta telah terpilih mengikuti peraduan itu yang diadakan di Dewan Raya RTB.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz telah menjadi tetamu kehormat di majlis yang diadakan buat pertama kali itu dan berkesudian menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Adik Noralina Abd Kahar telah juga memperdengarkan hafazan Al-Qurannya di majlis itu.

Mesyuarat agung KASPENA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mesyuarat Agung kali kedua Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Perhubungan akan diadakan pada 10 Mac depan bertempat di Bangunan Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

Majlis Mesyuarat KASPENA itu nanti akan

membincangkan beberapa agenda termasuk pembubaran Ahli Jawatankuasa Tertinggi lama dan melantik Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang baru.

Kepada semua ahli-ahli Badan KASPENA diminta supaya akan dapat hadir di majlis itu di Bilik No 8 dan 9 Tingkat Dua Bangunan Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

SIAPAKAH JUARA BINTANG KECIL 1985 ?

PERTANDINGAN Akhir Bintang Kecil 1985 akan diadakan pada hari Sabtu 9 Mac, 1985. Pertandingan tersebut akan disiarkan secara langsung melalui radio dan TV dari Dewan Raya RTB mulai jam 8.30 malam.

Seramai 10 orang peserta telah dipilih untuk bertanding ke peringkat akhir itu. Mereka ialah :—

Siti Ainon Jeriah Hj. Md. Jaafar, Dk. Widayanordi Pg. Hj. Tajuddin, Rosinah Sabli, Sandy Sumarni Omar, Ak. Mohd. Yasmin Pg. Yahya, Jofri Hj. Abidin, Ak. Samsul Rezal Malek Faesal Pg. Marali, Norini Bungsu, Norzalinawati Ali Zainal dan Szalina Arif.

Turut menyerikan pertandingan pada malam itu ialah ARTIS UNDANGAN dari IN-

DONESIA PUPUT NOVEL.

Puput tidak asing lagi kepada anak-anak kita. Penyanyi kecil yang sekarang berumur 11 tahun itu, pernah diundang membuat persembahan di dalam rancangan yang sama pada tahun 1982.

Bersama Puput juga kita akan dihiburkan oleh anak-anak Bengkel Kuntum Bersemi.



Siti Ainon Jeriah



Dk. Widayanordi



Rosinah



Sandy Sumarni



Ak. Mohd. Yasmin



Jofri



Ak. Samsul Rezal
Malek Faesal



Noralni



Norzalinawati



Szalina



Oskar Bintang



PUPUT NOVEL

Resipi Minggu Ini:

Puding Puspa Warna

BAHAN-BAHAN- NYA :—

- 3 tahlil agar-agar
- 1½ kati gula pasir
- 16 keping nenas dalam tin
- 6 oz tepung jagung
- 2 tin susu cair
- 1 sudu makan koko
- 1 sudu teh warna merah
- 1 sudu teh warna hijau
- 1 sudu teh warna kuning

15 biji telur ayam
Air sebanyak sukatan
agar-agar.

CARA-CARA MEMBUATNYA :—

Agar-agar direndam dan rebus dengan air sebanyak sukatan agar-agar masak hingga pekat, kalau suka masukkan daun pandan 2 helai bila masak angkat dan tapis bagi dua bahagian. Satu bahagian warnakan dengan empat warna, sejukkan hingga beku bentuk mengikut suka. Pukul telur masukkan tepung dan susu cair, masak dalam agar-agar anakan warna, sejukkan. Bila sejuk hias dengan ceri.



Kumpulan Nasyid Nada Suria Kemudi jayakan Nada Peduman

NADA PEDUMAN sebuah rancangan hiburan bitan Hasnan Suhaili dan disiarkan dua minggu keluarnya minggu ini awda pendengar akan sama menghayati lagu-lagu dakwah dari kumpulan Nada Suria Kemudi.

Rancangan ini akan menemui awda semua maret 8 Mac jam 9.30 pagi dan akan diulang hari Khamis 14 Mac, jam 2.30 petang.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sebagai Teknik Kanan

PERMOHONAN adalah di-
pelawa daripada calon-calon
yang terdiri daripada rakyat
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Dipertuan
Negara Brunei Darussalam
untuk memenuhi jawatan ko-
seng sebagai TEKNIK KA-
NAN di Jabatan Telekom,
Kementerian Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.

Tanggaji: C. 2 EB. 3 —
\$1450-\$2270 sebulan.

- Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Pengalaman sekurang-kurangnya selama 10 tahun dalam bidang kerjaya Telekom dalam salah satu daripada tugas-tugas yang tersebut di bawah ini:
i) Penanaman dan penyambungan kabel.
ii) Pembinaan dan pemeliharaan "Overhead".
iii) Pemasangan dan pemeliharaan alat-alat kelengkapan penggunaan.
iv) Pemeliharaan alat RAX.
v) Pemeliharaan kepada rangkaian kawasan telekom.

ATAU
b) Jika pengalaman dalam kerjaya Telekom yang tersebut di atas kurang

daripada 10 tahun, calon-calon mestilah mempunyai kelulusan Sijil City & Guilds dalam bidang yang berkenaan dengan Telekom dan mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam penyediaan kakitangan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalu Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 13 Mac, 1985.
(Bilangan iklan: 20/1985)
(E/1023/76).

Sebagai Ahli Kaji Bumi

PERMOHONAN adalah di-
pelawa daripada calon-calon
yang berkelakuan untuk me-
penuhi jawatan kosong seba-
gai AHLI KAJI BUMI di
Jabatan Kerja Raya, Kement-
erian Pembangunan, Negara
Brunei Darussalam.

Tanggaji: B2 atau B2 EB. 3 BS2,270.
\$4,240 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:
a) Mempunyai ijazah atau Diploma dalam bidang Kaji Bumi dari Universiti atau Maktab yang diiktiraf.

b) Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja Kaji Bumi.

c) Pengetahuan Bahasa Melayu merupakan satu kelebihannya.
Tugas-tugas:
i) Menjalankan penyelidikan tanah dan sumber-sumber bahan pembinaan seperti batu, pasir dan lain-lain.
ii) Membuat kerja-kerja makmal dan melatih pegawai-pegawai rendah.

Syarat-syarat Lantikan:
Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkont-
trak selama 3 tahun. Pem-

baharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.
(Bilangan iklan: 42/1985)
(E241/82).

KENYATAAN TAWARAN JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan di-
terima oleh Pengerusi Lem-
baga Tawaran Negara Brunei
Darussalam di Pejabat Setia-
usaha Tetap, Kementerian
Kewangan, Tingkat Empat,
Jalan James Pearce, Bandar
Seri Begawan tidak lewat pa-
da hari Isnin 1 April, 1985
jam 12.00 tengah hari bagi
membekalkan mesin tukang
kayu yang berikut:—

1. Buah Portable Circular Saw Mesin berukuran 36" dengan menggunakan 40 HP. Motor, lengkap dengan alat sampingan (accessories) jika ada.

2. Keterangan lanjut menge-
nai dengan penentuan-pen-
entuan (Specifications) bagi
mesin ini bolehlah didapati
dari Ibu Pejabat Perhutanan,
Negara Brunei Darussalam
bila-bila masa pejabat dibu-
ka.

3. Tawaran-tawaran hendak-
lah dihantar dalam sampul
surat yang bertutup, ditulis
dengan "TAWARAN MEM-
BEKAL DAN MEMASANG
MESIN PORTABLE CIR-

CULAR SAW UNTUK JA-
BATAN PERHUTANAN" tanpa
menunjukkan identiti
pemborong dan ditujukan Ta-
warannya, Kementerian Kew-
angan, Tingkat 4, Jalan James
Pearce, Bandar Seri Begawan.
4. Pemborong-pemborong
mereka adalah dikehendaki
menghantar katalog (gambar)
jenis mesin dan alat-alat
sampingan (accessories) yang
ditawarkan beserta dengan
butir-butir berikut:—

- i) Harga sebuah termasuk cukai
- ii) Harga memasang
- iii) Jenis alat-alat sampingan yang terdapat
- iv) Lama tempoh dalam jaminan
- v) Tempoh membekal
- vi) Lain-lain hal jika ada.

5. Kerajaan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan
Yang Dipertuan Negara
Brunei Darussalam tidak
semestinya menerima tawar-
an-tawaran yang paling ren-
dah atau lain-lain tawaran.

CALON-CALON DIMINTA MENGAMBIL SIJIL

SUKACITA dimaklumkan bahawa masih lagi ter-
dapat sijil-sijil peperiksaan yang dikendalikan di
Lembaga Peperiksaan Jabatan Pelajaran yang
belum diambil oleh calon-calon peperiksaan ber-
kenaan.

Oleh yang demikian, adalah dipersilakan
semua calon-calon yang belum mengambil sijil
masing-masing supaya dapat datang ke Pejabat
Lembaga Peperiksaan Jabatan Pelajaran pada
hari-hari waktu bekerja biasa dengan seberapa
segera yang boleh.

Mereka itu ialah:—

BGCE 'A' 1979 (NOV/DEC)	
Rosli bin Ahmad	G202/561
Patimah Hj Garip/ Hj Ghaffar	560
Hasnail bin Hj Mohamad	534
Junidi bin Abd Latif	538
Mardiana bte Hj Mohd Hashim	550
BGCE 'A' 1979 (NOV/DEC) PRIVATE BSB	
Siti Zaliha Matusin	G202/336
Siti Ajjiah bte Nordin	338
Timbol bin Hj Tinggal	341
Yusoff bin Hj Baha	346
Zainal Abidin bin Awg Besar	354
Zamilkhan bin Noorkhan	355
Ampuan Yusof	536
Ak Murni bin Pg Sulaiman	539
Dk Selamah bte Pg Hj Matussin	545
Dk Rogayah bte Pg Hj Abu Bakar	546
Dk Aminah bte Pg Suhaili	547
Loo Pan Yeoh	561
Mat Yamin bin Zainal	562
Malaj Rafiah Sheikh Nikman	565
Mori Alias Morni Jali	567
Nordin bte Hj Suhaili	574
Nurul'ain bte Haji Abd Wahid	575
Sharif bin Haji	588
Tengah bin Narudin	591
BGCE 'A' 1980 (NOV/DEC) PRIVATE SERIA	
Abdul Lani bin Abdul Samad	G204/501
Chua Liang Moi	504
Lim Ah Har	507
Zolkifli bin A Wasli	512
BGCE 'A' 1981 (NOV/DEC) BSB	
Awang Besar bin Kasim/Hashim	G202/521

Mohd Zamzam bin Tahir	0603
Manting bin Haji Abas	0604
Mustapha bin Bend Hj Abd Ghafar	0610
Md Judin bin Hj Serudin	0612
Mohd Lot bin Salleh	0614
Mohamad bin Hj Omar	0620
Mosli bin Idris	0628
Mohsin bin Md Taha/ Hussin	0632
Marali bin Salleh	0633
Matnoor bin Omar	0640
Mohd Noor bin Awang	0642
Mohd Dinie bin Taib	0649

SPS 'A' 1983 (NOV/DEC) MOHAMMAD ALAM

Asmah bte Hj Mohd Yusof	862/0501
Hijh Siti Aija bte Abdullah	0519
Hajjah Aznah bte Haji Ahmad	0520
Ida Aswani bte Abdullah	0522
Marai anak Anturan	0531
Merry bte Tajuddin	0532
Minah/Armah bte Haji Othman/Osman	0536
Norisah bte Haji Ahmad	0544
Rokiah bte Akun	0548
Ruhani bte Hj Hassan	0552
Sarawah bte Majang	0558
Abd Rahman bin Ismail	0580
Awg Ismail bin Masri	0585
Abd Raup bin Duraman	0598
Abd Karim bin Abd Wahab	0603
Abu Bakar bin Md Jais	0604
Abd Latif bin Hj Taim	0605
Hassan bin Sabli	0619
Harun bin Saban	0622
Hussin bin A Tengah	0623
Jaman bin Ali	0627
Kimtek bin Yambok	0645
Maaruf bin Awg Hitam	0651
Morani bin Ismail	0654
Matarsat bin Jamil/Umil	0657
Mohd Aznan bin Abdullah	0660
Mohamed Ali bin Hj Ali Ibrahim	0663
Matkilin/Mohd Hamdilah Abdullah	0672
Matali bin Abu Bakar	0674
Matussin bin Hj Osman	0675
Midoon/Midon bin Badar	0681
Nilam bte Lundu	0683
Noror Gumiet bin Hj Noor	0684
Othman bin Durani	0687
Othman bin Ibrahim	0688
Razali bin Ahmad	0694
Sharbini/Makmum bin Abd Rahman	0708
Umar bin Ibrahim	0712
SPS 'A' 1982 (NOV/DEC) DELIMA SATU	
Mohamed/s Mohamed bin S Mohsin	0512
Md Ali bin Abd Hamid	0512

Mashud bin Haji Amzah	0514
Osman bin Pungut	0533
Osman bin Hj Md Said	0535
Osman bin Hj Ahmad	0537
Pg Hj Zainal bin Pg Ismail	0557
Pg Muhammad bin Pg Hj Tengah	0564
Pg Muhammad bin Pg Abd Rahman	0565
Rusli bin Ahmad	0572
Sulaiman bin Duraman	0587
Sulaiman bin Ibrahim	0594
Sahari bin Mahali/Shahri	0598
Serudin bin Sitai	0601
Sigi bin Uja	0602
Suhaili bin Hj Md Daud	0605
Sarbini bin Hj Tahir	0607
Tujuh bin Talib	0621
Tahamat/Moksin bin Ahad	0612
Tong Kah Hwa	0617
Yusoff bin Ahmad	0633
Yusuf bin Haji Judah	0642
Zakaria bin Matusin/ Matusin	0646
Zaini bin A Tuah	0649
SPS 'A' 1982 (NOV/DEC) AMAR PAHLAWAN	
Kamariah bte Apang	864/0502
Mariam Abd Hamid	0518
Malaya bte Ampil	0520
Minah bte Harandi/Kunjan	0528
Norsiah bte Samsuddin	0538
Normiah bte Kassim Hassim	0599
Norsiah bte Hj Abd Ghafar	0540
Naik bte Galau	0545
Normah bte Haji Jafar	0547
Normah bte Md Yahyai	0548
Napsiah bte Taha	0549
Rosnah bte Hj Hamid	0553
Rahimah bte Tassim	0554
Rosnawati bte A Rahman	0558
Rokiah bte Asmakhan	0559
Rosnah bte Tuah	0562
Rosenah bte Awg Hj Ahmad	0567
Salamah bte Salleh	0586
Som bte Na'im	0590
Angku Damit bin Pg Hj Sepiauddin	0599
Siti Mahmud bte Abdul Halim	0603
Siti Hasnah bte Hj Zulkifly	0604
Zariah bte Nayan	0618
Zubaidah bte Hj Chuchu	0624
Miramit bin Damit	0628
Mahle bin Hj Besar	0631
SPS 'A' 1982 (NOV/DEC) SM PULAIE	
Aishah bte Lakim	865/0501
Amp Rohani bte Amp Hj Yusof	0505
Ayang bte Hj Maidin	0510

Aminah bte Azahari	0511
Dyg Siti Noorah bte Hj Salleh	0522
Dk Darnit Pg Tengah	0525
Dk Masnah bte Pg Manudin	0526
Dk Mahani bte Pg Md Yusof	0528
Dayang Siti Awal bte Radin	0530
Dayang Issah bte Awang Hj Omar	0537
Dyg Suhanah bte Hj Abd Rahim	0554
Dk Noorani bte Pg Ghani	0557
Dy Norani Hj Dullah	0588
Dy Maimunah bte Haji Zulkifly	0595
Hjh Zainun bte OKML Hj Md Yusof	0613
Hjh Kuntom bte Hj Amat	0618
Hajjah Haisah bte Abu Bakar	0625
SPS 'A' 1982 (NOV/DEC) ANGGEREK DESA	
Abd Rahman bin Abd Rahim	866/0530
Awang Milen bin Hj Hj Othman	0505
Abdullah bin Ibrahim	0506
Ak Hamdan bin Pg Hj Abd Rahman	0507
Ak Metussain Pg Besar	0511
Awg Safer bin Hj Idris	0514
Asmat bin Kamis	0517
Awg Ibrahim bin Abd Hamid	0620
Awg Muhammad bin A Hamid	0539
Azahari bin Chuchu	0541
Awg Matgapor bin Bakar	0546
Ahmad bin Adam	0547
Abd Hamid bin Musa	0550
Ahmad bin Abdul Hamid	0554
A Ahmad bin Hj Chuchu	0556
Abu Bakar bin Haji Ratu	0564
Awang Momin bin Awang Damit	0567
Abdul Samat bin Tarip	0568
Akop/Yaakub bin Ismail	0571
Alihassan bin Haji Abdul Rahman	0581
Abdullah bin Abas	0583
Abdul Latip bin Mantil Awang Abdul Majid	0586
bin Bakar	0587
Abu Bakar bin Talib	0594
Awang bin Mohd Jaffar	0597
Ahmad/Mohd Ariffin bin Aman	0619
Awang Bojeang/Bujang bin Deris	0631
Bustaman bin Anaf	0635
Bidin bin Hj Mohamad Noor	0637
Basir bin Ibrahim	0640
Bakar/Abu Bakar bin Haji Lakim	0646

MASUK KE BRUNEI MESTI PAKAI VISA

BANDAR SERI BEGAWAN.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah menguatkuasakan kehendak yang ditetapkan oleh Bab 3 (1) dari Perintah Darurat, 1983 yang menghendaki setiap orang, kecuali warganegara Brunei Darussalam atau warganegara asing negeri-negeri yang termasuk di dalam Perintah Pasport (Pengecualian Visa), 1985 mempunyai visa yang sah untuk masuk ke negara ini mulai 1 Mac, 1985.

Bab 3 (1) dari Perintah Darurat (Pasport), 1983 yang telah berjalan kuatkuasa pada 14 Disember 1983 menghendaki setiap orang yang masuk ke Negara Brunei Darussalam dari mana-mana tempat di luar negara ini hendaklah menyerahkan pasportnya kepada Pegawai Imigresen di Pos Kawal Imigresen tempat kemasukannya.

Jika pemegang pasport itu bukan seorang warganegara Brunei Darussalam atau warganegara asing yang tidak termasuk di dalam Perintah Pengecualian Visa, maka dikehendaki pasportnya mengandungi visa yang sah yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk masuk ke negara ini.

Perintah Pasport (Pengecualian) Visa, 1985 hanya mengandungi warganegara-warganegara negara-negara ASEAN iaitu warganegara-warganegara Malaysia dan Republik Singapura yang memasuki Negara Brunei Darussalam kerana lawatan-lawatan sosial yang tidak melebihi 30 hari.

Warganegara-warganegara Republik Indonesia, Republik Filipina dan Kerajaan Thai yang memasuki Brunei kerana lawatan-lawatan yang tidak melebihi 14 hari, dengan syarat bahawa orang itu memasuki negara ini dengan jalan udara dan turun di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan ada memiliki tiket pergi dan balik yang disahkan atau jumlah wang yang memadai dan kemudahan-kemudahan kemasukan ke tempat tujuannya dan pulang ke negeri asalnya atau meneruskan perjalanannya ke sesuatu tempat tujuan di luar negara ini.

Persediaan Peperiksaan SRPB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran kini sedang membuat persediaan untuk pendaftaran memasuki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei bagi kedua-dua aliran Melayu dan Inggeris yang akan diadakan dalam bulan November tahun ini.

Permohonan untuk masuknya terbuka kepada calon-calon sekolah dan persendirian dari kedua-dua aliran itu. Kepada calon sekolah, mereka disyaratkan hendaklah berada dalam Tingkatan Tiga tahun ini.

Sementara bagi calon-calon persendirian hendaklah telah pernah menghadiri Tingkatan Tiga dan dapat menunjukkan bukti-bukti pengajian mereka atau disokong

dalam masa empat belas hari dari ketibaan.

Sementara kesemua perjanjian-perjanjian mengenai penghapusan visa yang telah diperbuat oleh Kerajaan United Kingdom yang berkaitan dengan Negara Brunei Darussalam telah mansuh sejak 1 Januari, 1984.

Maka dengan ini Pengawal Imigresen, Negara Brunei Darussalam sukacita menasihatkan dan meminta perhatian orang ramai dan mereka yang berkenaan terutamanya mereka yang bersangkut-paut dengan pengangkutan penumpang seperti syarikat-syarikat penerbangan, perkapalan dan lain-lain jenis pengangkutan dan juga wakil-wakil pelancongan mengenai dengan keperluan visa bagi orang-orang asing masuk ke negara ini, kecuali mereka yang dikecualikan oleh Perintah

Pengecualian yang disebutkan di atas.

Dari itu segala permohonan untuk mendapatkan visa hendaklah dibuat di dalam borang permohonan yang tertentu yang boleh didapati di Ibu Pejabat Imigresen di Bandar Seri Begawan dan juga cawangannya di Kuala Belait iaitu bagi pemohon-pemohon yang dibuat di dalam negeri.

Bagi pemohon-pemohon yang dibuat dari luar negeri, permohonan-permohonan itu hendaklah dibuat menerusi Pejabat-Pejabat Suruhanjaya dan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam dan di negeri di mana Pejabat Suruhanjaya dan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam tidak ada ditubuhkan pemohon-pemohon bolehlah membuat menerusi Pejabat-Pejabat Perwakilan Diplomatik Kerajaan United Kingdom di negeri berkenaan.

MENTERI PELAJARAN PULANG DARI THAILAND

BANDAR SERI BEGAWAN.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah pulang Isnin lepas setelah mengadakan lawatan rasmi ke Bangkok, ibu negeri Thailand.

Turut menyertai dalam lawatan itu termasuklah Pengarah Perkhidmatan Perkhidmatan Perubatan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin, Awang Ali Hashim bin Haji Daud, Pegawai Pentadbir Kanan Kementerian, Penolong Pengarah Pelajaran Bahagian Teknikal, Awang Mustapha bin Abu Bakar dan Matron Hajjah Rokiah binti Zakiah.

Ketika berada di sana, Yang Dimuliakan Pehin telah melawat beberapa buah universiti dan rumah-rumah sakit di sana. Yang Dimuliakan Pehin juga mengadakan kunjungan muhibah kepada pembesar-pembesar dan pegawai-pegawai tinggi negara itu, termasuk Tuan Yang Terutama

Perdana Menteri Thailand, Menteri Kesihatan Awam, Menteri Pelajaran dan Hal Ehwal Universiti.

Selain dari itu Yang Dimuliakan Pehin dan rombongan juga membuat kunjungan muhibah kepada Penasihat Negeri Bagi Hal Ehwal Islam dan Universiti Chulalongkorn. Rombongan Yang Dimuliakan Pehin juga berkunjung ke Institut bagi Timur Tengah dan Pusat Pengajian Dunia Islam.

Pelbagai kemudahan disediakan untuk belajar Quran

Oleh: Ahat Ismail

LUMUT. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Agama telah banyak mengadakan berbagai kemudahan untuk mempelajari Al-Quran di seluruh negara.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin menyatakan, kemudahan-kemudahan itu termasuklah



DATO Paduka Haji Mohd Ali beserta pegawai-pegawai kerajaan lainnya meninjau secara dekat tentang barang-barang keperluan yang terdapat di Pusat tersebut sejurus selepas upacara perasmian. Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

Syarikat kerjasama digesa beri sokongan

Dari muka 1

"Selain dari itu ialah untuk menentukan pembekalan barang-barang supaya sentiasa ada dan berterusan, menjaga ketetapan harga dengan tidak mengenakan harga yang berlebihan dari

yang patut dan untuk membimbing pekedai-pekedai dari segi ilmu perniagaan," jelas beliau lagi.

Menyentuh tentang jumlah syarikat kerjasama yang dibekalkan dengan barang-barang keperluan dari pusat tersebut.

itu beliau menjelaskan dari jumlah 47 buah syarikat kerjasama yang berdaftar hanya 25 buah darinya telah dibekalkan dengan barang-barang keperluan dan menggunakan kemudahan-kemudahan dari pusat tersebut.

SAPBC: HANYA 928 CALON BERJAYA

BERAKAS. — Dari seramai 2,178 orang calon sekolah-sekolah kerajaan yang menduduki Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat 'O' aliran Inggeris tahun lepas, hanya seramai 928 orang calon berjaya mendapat antara tiga hingga lapan peringkat 'O'.

Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah

Sains mendapat peratus kelulusan tertinggi iaitu 84.06 di mana dari seramai 138 orang yang menduduki peperiksaan itu, seramai 116 orang berjaya mendapat antara tiga hingga lapan peringkat 'O'.

Ianya diikuti oleh Pusat Pelajaran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang mendapat 73.33 peratus kelulusan

dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dengan mendapat 59.74 peratus kelulusan bagi 92 dari seramai 154 orang calon yang menduduki peperiksaan tersebut.

Sementara itu, dari seramai 238 orang calon Sekolah-Sekolah Misi dan China seluruh negara yang menduduki peperiksaan itu, hanya seramai 197 orang calon berjaya mendapat antara tiga hingga lapan peringkat 'O'.

St. John's Kuala Belait mendapat seratus peratus kelulusan bagi kelulusan antara tiga hingga lapan peringkat 'O', diikuti oleh St. Margaret's, Seria yang mendapat kelulusan 96.77 peratus dan St. George's di ibu negara yang mendapat 92.59 peratus.

Keputusan juga diumumkan bagi calon-calon Kelas Dewasa dan calon-calon persendirian. Dari tiga pusat peperiksaan bagi calon Kelas Dewasa, hanya 5.36 peratus iaitu tiga dari 56 orang calon berjaya mendapat antara tiga hingga lapan peringkat 'O'.

Manakala 53 orang dari 377 orang calon persendirian yang menduduki peperiksaan itu tahun lepas berjaya mendapat antara tiga hingga lapan. 21 orang dari jumlah tersebut ialah calon persendirian Seria, sembilan belas dari Bandar Seri Begawan, sembilan dari Kuala Belait dan empat dari Tutong.

PEMBETULAN

EJAAN 'Allahu Akhbar' bagi tajuk berita di muka depan keluaran minggu lalu sebenarnya 'ALLAHU AKBAR'. Kami memohon maaf di atas kesilapan ejaan tersebut — Penyunting.